



Kerja penurapan jalan raya tidak memuaskan

LAPORAN KHAS

## PBT sambil lewa

Kualiti turapan tidak sama seperti dahulu. Tidak sampai enam bulan sudah ada jalan yang rosak. Banyak aduan dari rakyat diterima. Mungkinan ada unsur sabotaj?

LAPORAN LANJUT DI MUKA 4&5



MB: 'Saya banyak terima nasihatnya'

Perannya cukup besar dalam merapatkan saf kepimpinan Pakatan hingga kita mencatatkan prestasi membanggakan dalam beberapa pilihan raya lalu.

BERITA DI MUKA 6

Madrasah Seni angkat tema puisi perlawanan

Acara baca puisi tidak hanya berlangsung di kota besar, sebaliknya telah merebak jauh ke ceruk desa. Kampung Banda Dalam di Gombak tidak terkecuali. Sasterawan Negara, Dato' A Samad Said yang sinonim dengan karya perjuangan dan derita rakyat, diberi penghormatan melancarkan acara sulung 'Baca Puisi Madrasah Seni'.

BERITA DI MUKA 11

Wujudkan pusat proses padi organik

Pusat pemprosesan padi organik bakal diwujudkan melalui Program Pertanian Lestari bagi meningkatkan pendapatan pesawah dan memenuhi permintaan pasaran. dipenuhi," katanya.

BERITA DI MUKA 12

RM6.7 juta bantu naik taraf lokasi pelancongan

Peruntukan khas itu digunakan menaik taraf infra bagi menjamin kemudahan dan keselesaan pelancong. Selangor mensasarkan kedatangan tujuh juta pelancong dari dalam dan luar negara sempena Tahun Melawat Selangor 2015.

BERITA DI MUKA 14



Gambar oleh Asrie Sapfie

**PRIHATIN...** Kanak-kanak ini teruja ketika Dato' Menteri Besar Mohamed Azmin Ali memakaikan topi keledar dan jaket keselamatan sewaktu Majlis Perasmian Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Perayaan Tahun Baru Cina anjuran Kerajaan Negeri di Plaza Tol Batu Tiga. Selain topi keledar dan jaket keselamatan, turut diedar risalah kempen keselamatan jalan raya kepada beberapa penunggang motosikal dan pengguna lebuh raya yang melalui tol tersebut

## Cadangan alternatif ganti lebuh raya KIDEX

OLEH NORHAYATI UMOR

**PETALING JAYA** - Ekoran pembatalan projek Lebuh raya Kinrara-Damansara (KIDEX), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan membawa beberapa cadangan alternatif.

Pemangku Datuk Bandar MBPJ, Puasa Md Taib, berkata ia akan diutarakan kepada Kerajaan Selangor dalam masa terdekat termasuk

penyediaan jalan alternatif atau penambahbaikan infrastruktur.

Ini kerana, katanya, MBPJ memerlukan penyelesaian mendesak bagi jalan keluar dari Petaling Jaya 52 ke Lebuhraya Pantai Baru (NPE).

"Kita akan bawa masalah, cadangan kepada Kerajaan Selangor dan kerajaan Pusat. Terpujang kepada mereka untuk memutuskan demi keperluan pen-

duk," katanya.

Bercakap kepada Selangor Kini, Puasa berkata, MBPJ akan meneruskan perkhidmatan PJ City Bus sebagai alternatif kepada masalah itu.

"Ia dilaksanakan sejak lebih empat bulan lalu. Ia kejayaan besar MBPJ dan kita juga mengambil kira beberapa pendekatan baru," katanya.

Ahli Majlis MBPJ Zon 17, Raja

Fairus Raja Mazlan pula percaya akan ada rundingan yang melibatkan pelbagai pihak bagi menangani isu itu.

Ahli Majlis MBPJ Zon 12, Cynthia Gabriel dari zon 12, menyifatkan keputusan yang dibuat Menteri Besar tepat dan berkesan.

"Banyak bantahan dalam isu ini kerana ia projek yang tidak memberi manfaat, malah membahayakan penduduk sekitar," katanya.

# MB: Projek KIDEX dibatal

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Projek Lebuhraya Kinrara Damansara (Kidex) dibatal berikutan tiada satu pun daripada tiga syarat yang ditetapkan Kerajaan Selangor, dipatuhi.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata pemaju Kidex gagal mematuhi syarat berkenaan mengikut tempoh ditetapkan yang berakhir 14 Februari lalu.

Katanya, pendekatan sama akan digunakan dalam mempertimbang permohonan kelulusan lebuhraya lain yang dicadang dalam bidang kuasa Kerajaan Selangor.

Beliau berkata, maklum balas orang ramai diguna pakai untuk menetapkan syarat khusus yang perlu dipatuhi supaya ia membawa manfaat menyeluruh.

"Pertikaian mengenai kelulusan Kidex sebelum ini banyak berkisar kepada persoalan itu

"Kerajaan Negeri berpendirian, pem-

binaan lebuhraya perlu bermanfaat bukan sahaja kepada pengguna tetapi juga dinikmati penduduk.

"Pendirian itu diluluskan dalam pembentangan Belanjawan Selangor 2015 pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) 24 November 2014," katanya pada kenyataan media 16 Februari lalu.

Selain pembangunan ekonomi, Mohamed Azmin berkata, sumbangan sosial dan manusiawi dalam setiap projek yang diluluskan sentiasa dititik berat.

"Dasar pembangunan berkualiti, rakyat dipeduli akan menjadi teras dalam setiap pembangunan di negeri ini," katanya.


Pembinaan Kidex mendapat bantahan hebat di kalangan penduduk setempat dan badan bukan kerajaan (NGO) ketika pentadbiran negeri diterajui Tan Sri Khalid Ibrahim.

Bekas Menteri Besar itu bagaimanapun tidak membatalkan projek berkenaan sekalipun menerima kecaman dari rakyat mahupun pemimpin Pakatan Rakyat.

“

**Pemaju KIDEX gagal mematuhi syarat berkenaan mengikut tempoh ditetapkan yang berakhir 14 Februari lalu. Katanya, pendekatan sama akan digunakan dalam mempertimbang permohonan kelulusan lebuhraya lain yang dicadang dalam bidang kuasa Kerajaan Selangor**

**MOHAMED AZMIN**  
Dato' Menteri Besar



## TIGA SYARAT YANG GAGAL DIPATUHI KIDEX

1

**Menyediakan Penilaian Impak Lalu lintas yang bebas, Penilaian Impak Sosial dan Penilaian Impak Alam Sekitar. Kajian perlu membuktikan manfaat ternyata kepada pengguna dan penduduk setempat dengan mengambil kira kesan negatif akibat pembinaan lebuhraya.**

2

**Mendedahkan kadar tol sepanjang tempoh konsesi termasuk kenaikan tol yang ditetapkan dalam konsesi. Pihak konsesi perlu memberi anggaran rasmi jumlah tol yang akan dikutip dan kadar pulangan kepada pelaburan.**

3

**Mendedahkan perjanjian konsesi sepenuhnya untuk mematuhi dasar kerajaan Pakatan Rakyat yang menegaskan ketelusan dan kebertanggungjawaban.**

## Fomca: Langkah tepat

**SHAH ALAM** - Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) menyambut baik pembatalan projek KIDEX berikutan ia bukan penyelesaian masalah.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata projek KIDEX lebih menjurus kepada penambahan kenderaan, bukannya menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas sedia ada.

"Tiada masalah kalau Kerajaan Negeri batalkan Kidex, dengan syarat kena ada perancangan mengatasi masalah lalu lintas.

"Perkara paling penting ialah dasar untuk menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam," katanya kepada Selangorkini.

Beliau berkata, fokus utama perlu diberi kepada penambahbaikan sistem pengangkutan awam supaya rakyat men-

“

**Perkara paling penting ialah dasar untuk menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam**

**MOHD YUSOF ABDUL RAHMAN**  
Timbalan Presiden FOMCA

jadikannya pilihan utama


"Penyediaan bas percuma di Petaling Jaya antara langkah baik. Dasar itu perlu diperluas untuk kemudahan rakyat," katanya.

## Pusat patut contohi ketegasan MB

**SHAH ALAM** - Kerajaan Persekutuan patut mencontohi ketegasan Kerajaan Selangor membatalkan Kidex apabila sesebuah pembangunan dipertikai rakyat.

Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin, berkata syarikat konsesi diberi cukup masa untuk membuktikan projek itu relevan tetapi hingga tempoh berakhir, mereka gagal berbuat demikian.

"Keputusan bagus. Kerajaan Selangor memberi masa cukup kepada mereka namun pemaju tidak berkeupayaan untuk membuktikan manfaat pembinaan projek ini.



Yeo Bee Yin

"Menteri Kerja Raya perlu mencontohi tindakan Kerajaan Selangor (dalam kes lain)," katanya kepada Selangorkini.

## NGO berterima kasih

**SHAH ALAM** - Badan bukan kerajaan (NGO) 'Say No To Kidex' mencadangkan projek itu dikeluarkan dari senarai projek dalam Laporan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035.

Gembira dengan pembatalan Kidex, jurucakap NGO itu, K W Mak berkata, tindakan itu selari dengan pembatalan projek berkenaan.

"Terima kasih kepada Dato' Menteri Besar kerana umumkan pembatalan Kidex.

"Kami juga minta supaya Kidex dikeluarkan dari laporan rancangan struktur negeri itu kerana Kidex telah dimasukkan dalam laporan itu,"



“

**Kami juga minta supaya Kidex dikeluarkan dari laporan rancangan struktur negeri itu kerana Kidex telah dimasukkan dalam laporan itu**

**K W MAK**  
Jurucakap NGO

katanya.

Katanya, rakyat tidak menolak projek pengangkutan awam seperti LRT dan MRT

kerana ia memberi manfaat berbanding pembinaan lebuh raya yang menguntungkan syarikat konsesi sahaja.

## Baiki pengangkutan awam

**SHAH ALAM** - Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS), Hannah Yeoh menyambut baik pendirian tegas Kerajaan Selangor membatalkan projek Kidex.

"(Satu) pendirian tegas," katanya melalui twitter merujuk kepada ketegasan Dato' Menteri Besar Selangor dalam isu kontroversi itu.

Adun Bukit Gasing, Rajiv Rishyakaran, pula berkata Selangor perlu fokus kepada pelan pembangunan pengangkutan awam bagi mengatasi kesesakan jalan raya.

"Saya sokong keputusan itu memandangkan Selangor sudah beri syarat khas (kepada syarikat konsesi) namun gagal dipatuhi.



**Hannah Yeoh**

"Kerajaan Selangor perlu fokus kepada pelan pembangunan pengangkutan awam seperti di Singapura," katanya.



**Rajiv Rishyakaran**



**Menteri Besar, Azmin Ali turun padang meninjau perkhidmatan awam di Selangor**

## Bukti bukan senjata politik

**SHAH ALAM** - Ketegasan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali dalam isu Kidex menunjukkan ia bukan senjata politik untuk menjatuhkan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Ahli Majlis Pimpinan Pusat PKR, Azmizam Zaman Huri, berkata keputusan itu membuktikan PKR tidak setuju lebuh raya itu dibina kerana membebankan rakyat.

"Isu Kidex tiada kaitan dalam menjatuhkan Tan Sri Khalid Ibrahim tapi ia memperlihatkan ketegasan Mohamed Azmin berbanding pentadbiran lalu," katanya kepada Selangor Kini.

Segelintir pihak mengangap Kidex hanya senjata politik untuk menjatuhkan Abdul Khalid yang tidak membatalkan projek itu sepanjang perkhidmatannya.

## Rakyat setuju batal

**SHAH ALAM** - Rakyat Selangor menyambut baik keputusan Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin membatalkan projek Kidex susulan kegagalan pemaju mematuhi syarat yang ditetapkan.

Kebanyakan mereka berkata, Kerajaan Negeri berpendirian tegas apabila menetapkan lebuh raya di Selangor perlu bermanfaat kepada pengguna dan rakyat.

Bagi Hafez Matsoom, 52, berkata dana Kidex itu boleh digunakan sebaiknya dengan penambahbaikan jalan raya di Selangor terutama bandaraya Shah Alam kerana menjadi tumpuan pengunjug dalam dan luar.

"Duit peruntukan Kidex itu lebih baik ditumpukan pada keselamatan jalan raya terutama kepada penunggang motosikal.

"Apa yang lebih penting penyelesaian dan bermanfaat kepada penduduk. Itu yang perlu diutamakan," katanya.

Sementara itu, Mohd Salem Sherdin, 39, berkata, peruntukan menambah perkhidmatan bas percuma di setiap daerah lebih bermanfaat kepada penduduk setempat berbanding projek lebuh raya itu.

"Dengan adanya khidmat bas percuma, kita dapat kurangkan kesesakan lalu lintas dan peng-



**Hafez Matsoom**



**Mohd Salem Sherdin**

gunaan kenderaan di jalan raya.

"Selain itu, kita dapat jimat kos minyak memandangkan ekonomi negara yang semakin kurang baik," katanya.

**Isu Kidex tiada kaitan dalam menjatuhkan Tan Sri Khalid Ibrahim tapi ia memperlihatkan ketegasan Mohamed Azmin berbanding pentadbiran lalu**

**AZMIZAM ZAMAN HURI**  
Ahli Majlis Pimpinan Pusat PKR



Dakwaan itu semakin tersebar luas berikutan Mohamed Azmin sejak menerajui negeri ini, tidak membatalkannya serta-merta.

Azmizam berkata, kegagalan mematuhi tiga syarat menjadikan Kidex beban kepada rakyat kerana perlu membayar tol eko-

ran projek itu melibatkan kos tinggi.

Beliau berkata, kebanyakan rakyat menyokong Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali kerana membuat keputusan bijak yang berpihak kepada mereka.

## Jalan rosak berulang

# PBT jangan lepas batuk di tangga

**LAPORAN KHAS**

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Pemantauan ketat dan berterusan perlu dilakukan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menjamin kualiti turapan jalan supaya kerosakan sama

tidak berulang dan mengundang bahaya kepada pengguna.

Terdapat beberapa aduan daripada pengguna diterima Selangor Kini berkenaan kualiti jalan raya yang diturap seakan melepaskan batuk di tangga apabila kembali rosak dalam tempoh singkat.

Tindakan tegas perlu diambil ke atas kontraktor yang gagal menepati spesifikasi yang ditetapkan.

Terdahulu, Dato' Menteri Be-

sar, Mohamed Azmin Ali meminta PBT lebih bertanggungjawab membelanjakan peruntukan membaiki jalan mengikut spesifikasi yang ditetapkan demi keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya.

Beliau berkata, pihaknya mendapati beberapa PBT seolah-olah 'melepaskan batuk di tangga' dalam melaksanakan amanah yang diberikan itu.

"Saya sendiri hubungi YDP di beberapa PBT terlibat, mengapa jalan yang diselenggara itu, kualitinya amat rendah dan tidak memuaskan," katanya.



## TINJAUAN ORANG RAMAI

### Perlu lebih tegas ke atas kontraktor bermasalah dan laksana pemantauan berterusan

PBT tidak boleh berkompromi dengan kontraktor yang gagal menepati spesifikasi dengan mengenakan tindakan lebih tegas. Dengan cara ini, saya percaya risiko jalan kembali rosak dalam masa singkat dapat dikurangkan, bahkan 'value for money' dapat diwujudkan



**Mohd Tajol Izzuddin, 24**  
Pekerja swasta



PBT perlu peka dengan kawasan seliaan dan beberapa jalan utama yang rosak perlu dibaiki dan diturap segera seperti sekitar Setia Alam ke Bukit Raja. Saya harap pihak berkenaan mengambil tindakan sewajarnya kerana jalan ini sudah lama tidak diturap. Bilangan pengguna di jalan ini ramai

**Akok Seng, 52**  
Peniaga

Keadaan jalan rosak juga turut disumbang faktor lain seperti alam sekitar dan fizikal kawasan berkenaan. Contohnya apabila hujan berterusan, jalan cepat rosak ditambah kenderaan berat yang melalui kawasan terbabit seperti lori



**Nordin Hamsi, 40**  
Penduduk Shah Alam

## Wajib ada penyelia khas turap jalan

**SHAH ALAM** - Semua kontraktor jalan di Selangor perlu mempunyai penyelia berkelulusan khas teknikal bidang penurapan jalan raya, berkuatkuasa tahun 2016.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Zaidy Abdul Talib berkata, peserta latihan intensif itu perlu lulus semua ujian yang akan dikendalikan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram).

"Kita menghantar 500 pegawai teknikal secara berperingkat mengikuti latihan itu bermula Disember 2014 dan dijangka tamat Disember ini.

"Langkah ini penting un-



**Zaidy Talib**

tuk memastikan kerja penurapan dan baik pulih jalan lebih berkualiti serta kekal baik dalam jangka masa panjang," katanya

Selangor Kini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas langkah menangani isu turapan jalan yang kurang memuaskan dan kembali rosak dalam jangka masa singkat.

Zaidy berkata, Kerajaan Negeri melakukan audit ke atas semua kuari dan menganugerahkan sijil pengiktirafan setiap dua tahun.

"Premix hanya akan diambil dari kuari yang ada sijil pengiktirafan sahaja.

"Kita mensyaratkan kerja turapan jalan dijalankan waktu kering antara Febuari hingga Oktober," katanya.

## Kualiti turapan teruk, susahkan penduduk

**SHAH ALAM** - Kualiti turapan jalan raya sangat teruk berbanding dahulu dan sangat mengecewakan apabila rosak serta berulang dalam tempoh singkat.

Ahli Majlis Pimpinan Pusat PKR, Azmizam Zaman Huri berkata, Kerajaan Negeri dan PBT perlu memastikan turapan jalan terutama yang menggunakan peruntukan MARRIS lebih berkualiti.

"Kualiti turapan sekarang tidak sama seperti dulu apabila tidak sampai enam bulan sudah

ada jalan yang rosak semula terutama di Klang.

"Saya banyak terima aduan daripada penduduk. Mereka tidak puas hati dengan turapan yang tidak berkualiti.

"Kenapa kita bayar mahal tetapi penduduk tidak dapat kualiti jalan yang sepatutnya. Banyak kawasan yang turapan jalannya sangat nipis," katanya ketika dihubungi Selangor Kini.

Katanya, Kerajaan Negeri perlu menubuhkan jawatan kuasa audit bagi menyemak

semula semua jalan diluluskan terutama yang sudah diturap tahun lalu.

"Ambil tindakan tegas terhadap PBT yang cuai dalam menjalankan tanggungjawab bagi memastikan kualiti turapan jalan berkualiti.

"Apa yang saya lihat, seperti ada pihak cuba sabotaj kerana turapan sebelum ini sangat berkualiti tetapi bermula tahun lalu sangat teruk seperti di Bandar Putera dan Taman Teluk Gedung Indah di Klang," katanya.

## TINJAUAN ORANG RAMAI

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu menilai semula spesifikasi dan 'standard of procedure' (SOP) penurapan jalan



Pihak berwajib harus menilai secara keseluruhan kerja membaiki pulih jalan supaya lebih berkesan dan berkualiti untuk jangka masa panjang. Jalan kembali rosak atau berlubang dalam tempoh singkat akibat proses baik pulih yang silap.

**Nizam Said, 39**  
Kakitangan kerajaan



Keadaan jalan rosak boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya dan membawa maut. Bukan itu sahaja, kenderaan turut rosak terutama tayar dan rim.

**Khoo Nee Kwai, 62**  
Pesara



Masalah jalan rosak tidak akan selesai selagi sikap kurang bertanggungjawab pihak terlibat gagal dibendung. Saya percaya integriti dalam bekerja itu penting, jika tidak sebarang pembangunan dan penambahbaikan tidak akan berjaya.

**S Sathiya, 28**  
Pegawai Eksekutif

## 4 kaedah pantau kerja turap jalan

**SHAH ALAM** - Empat kaedah utama pemantauan turapan jalan ditetapkan kepada kontraktor yang dilantik Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Yang Di Pertua, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, pihaknya menjalankan ujian ketebalan jalan bagi memastikan kawasan yang diturap mengikut piawaian ditetapkan.

"Ujian 'Sieve Analysis' juga dibuat untuk menentukan saiz batuan premix.

"Ujian 'Density' pula menentukan ketahanan turapan selain kawalan suhu dan jenis premix dilakukan di tapak ketika kerja berkenaan dilaksanakan," kata-



**Azhar Ali**

nya kepada Selangor Kini.

Bagi tahun 2014, MDKL membelanjakan RM25.3 juta termasuk peruntukan MARRIS untuk membaiki atau menurap 97 buah jalan

meliputi keluasan 154,953 meter.

Sementara itu, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pula memperuntukan RM78 juta tahun lalu bagi menurap atau membaiki jalan di kawasan seliaannya meliputi 193,457 kilometer.

Timbalan Pengarah Korporatnya, Shahrin Ahmad berkata, MBSA akan mengarahkan kontraktor menurap semula jalan sehingga mencapai piawaian ditetapkan jika gagal dalam ujian ketebalan jalan.

"MBSA komited memberikan mutu terbaik. Kita mempunyai unit di bawah Jabatan Kejuruteraan untuk memantau jalan di kawasan kami," katanya.

## Tubuh pasukan khas nilai kontrak turapan

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri perlu menubuhkan pasukan teknikal khas menilai peruntukan setiap kontrak dalam usaha mengelakkan kejadian turapan jalan kembali rosak dalam tempoh singkat selepas dibaiki.

Adun Kuang, Abdul Shukor Idrus berkata, penubuhan itu penting memandangkan Kerajaan Negeri memilih konsep tender terendah jadi penilaian perlu dibuat.

"Tengok dulu sama ada peruntukan berkenaan sesuai atau tidak dengan kerja yang hendak dilakukan itu walaupun harganya terendah.

"Kita tidak mahu harga rendah tapi tiada kualiti seterusnya membazirkan wang rakyat," katanya.

Beliau berkata, keadaan turapan jalan kurang memuaskan turut berlaku di kawasan-nya termasuk jalan utama Kuang ke kawasan sekitar.



**Shukor Idrus**

# KIDEX bukti hadam semangat peduli rakyat

## ANALISIS

OLEH NORHAYATI UMOR

**P**embatalan projek kontroversi Lebuhraya Kinrara-Damansara (KIDEX) selepas bantahan pelbagai pihak membuktikan janji peduli rakyat, dikotakan.

Ia selari dengan konsep pentadbiran pembangunan berkualiti dan peduli rakyat yang dicanang sejak teraju negeri dipimpin Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Ternyata, peduli rakyat bukan hanya slogan indah-indah tetapi diamal sepenuhnya. Bukan hanya retorik slogan tetapi praktikal nyata.

Malah, pembatalan itu bersandarkan maklum balas orang ramai diikuti kegagalan pema-ju mematuhi tiga syarat yang bertujuan memastikan projek itu tidak membawa implikasi negatif.

Bekas Pengarah Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMcedel), Prof Datuk Dr Redzuan Othman juga menyifatkan pembatalan itu sebagai menggambarkan pentadbiran

Kerajaan Selangor memang mendengar rintihan rakyat.

"Kerajaan Selangor benar-benar mendengar rintihan rakyat. KIDEX dibantahan pelbagai pihak, lebih-lebih lagi penduduk setempat yang bimbang projek itu mendatangi mudarat kepada mereka.

Dari segi pembangunan berkualiti, ternyata Projek KIDEX gagal mematuhi piawai

apabila gagal mematuhi 'walau satupun daripada tiga syarat yang ditetapkan.'

"Projek ini (KIDEX) bukan projek yang baik," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau melihat KIDEX bukan tergolong dalam pembangunan berkualiti, sebaliknya berpendapat tidak keperluan mendesak bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan terbabit.

"Saya tidak melihat ia sebagai keperluan. Adakah dengan tiadanya KIDEX, akan menyebabkan Selangor dan Wilayah Persekutuan mengalami kesesakan teruk?"

"Adakah dengan membina KIDEX menyelesaikan masalah kesesakan? Itu perlu dilihat oleh semua pihak," katanya.

Apapun, pembatalan itu membuktikan keberanian dan ketelitian perlu bagi seseorang pemimpin berwibawa dalam tekad menghadam semangat peduli rakyat.

**Kerajaan Selangor benar-benar mendengar rintihan rakyat. KIDEX dibantahan pelbagai pihak, lebih-lebih lagi penduduk setempat yang bimbang projek itu mendatangi mudarat kepada mereka**



**KOTA BHARU** - Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mengakui Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat banyak mengajar dan menasihatinya.

Beliau menyatakan demikian melalui aplikasi twitter dengan mengimbas kenangan pada 2013 ketika mahu ke majlis pengebumian Mursyidul Am PAS itu.

Ketika ditemui, Timbalan Presiden PKR itu berkata, Allahyarham adalah ulama Islam yang mempamerkan ciri kepimpinan mulia dan mengambil pendekatan sederhana dalam tindakan perjuangannya.

"Beliau dihormati umat Islam juga rakyat pelbagai kaum dan agama kerana kepimpinannya adil juga saksama serta memiliki akhlak mulia," katanya.

Mohamed Azmin juga mengkagumi falsafah politik Allahyarham yang mengamalkan kesederhanaan dan integriti baik sepanjang memerintah Kelantan.

Allahyarham juga dianggap memberi makna besar kepada lanskap politik negara terutama hal penyatuan parti

## Allahyarham amal kesederhanaan

# MB: 'Saya banyak terima nasihatnya'

pembangkok dari era Barisan Alternatif (BA) hingga Pakatan Rakyat.

"Peranan paling penting beliau ialah memperkukuh Barisan Alternatif kemudiannya Pakatan sejak 1998.

"Peranannya cukup besar dalam merapatkan saf kepimpinan Pakatan hingga kita mencatatkan prestasi membanggakan dalam beberapa pilihan raya lalu," katanya kepada Selangor Kini.

Allahyarham meninggal dunia 12 Februari lalu dan dikebumikan di Pulau Melaka, Kelantan - kehilangan yang dirapati segenap lapisan rakyat kaum dan agama.



Mohamed Azmin bersama pimpinan Pakatan hadir pada majlis pengebumian Allahyarham Nik Aziz

## Adun Sekinchan takkan lupa kenangan

**ADUN** Sekinchan, Ng Suee Lim takkan melupakan kenangan bersama Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat ketika kerap ke Kelantan membawa rombongan petani

Antara 2000 hingga 2004, beliau dan rombongan menziarah rumah Allahyarham sebagai acara wajib

"Teruja. Seorang Menteri Besar begitu senang dan berlapang dada menerima tetamu walaupun tanpa sebarang

temu janji.

"Saya banyak belajar dari tok guru. Perwatakannya lembut, beradab dan mudah menerima dan bertemu rakyat membuatkan orang bukan Islam seperti saya senang dengannya.

"Pendekatan tok guru begitu luar biasa. Tegurannya tepat. Nasihatnya berasas. Pandangannya luas. Saya akan sentiasa mengingati semua itu," katanya kepada Selangor Kini.



Ng Suee Lim

## Anwar, Nik Aziz letak asas perjuangan

**SHAH ALAM** - Kehilangan dua tokoh pemimpin pembangkang dalam masa singkat tidak akan melemahkan Pakatan Rakyat, sebaliknya membakar semangat perjuangan.

"Februari ini bulan menyedihkan buat Pakatan Rakyat kerana kita kehilangan dua tokoh besar. Namun, perjuangan perlu diteruskan," kata Dato Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata demikian selepas perasmian Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Perayaan Tahun Baru Cinadi Plaza Tol Batu Tiga di sini, 14 Februari lalu.

Pada 10 Februari lalu, Datuk Seri Anwar Ibrahim dihukum penjara lima tahun atas pertuduhan fitnah manakala Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meninggal dunia, dua hari kemudian.

Bagaimanapun, beliau yakin Anwar dan Nik Aziz sepanjang kepimpinan mereka sudah meletakkan asas perjuangan yang kuat dalam Pakatan Rakyat.

"Generasi muda perlu berpegang kepada prinsip dan idealisme perjuangan mengikut kerangka yang dipersejui bersama dalam Pakatan.

## Ramahi pengamal media

**ALLAHYARHAM** Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sentiasa meramahi pengamal media termasuk dari media arus perdana yang cenderung pro-BN.

Pada satu temu bual, bekas wartawan Berita Harian, Hafizan Taib mengakui kekok berdepan tokoh agama itu tetapi bertukar selesa apabila Allahyarham ramah menjawab soalan.

"Segala soalan dijawab dengan

tenang, teratur meskipun diasak pelbagai soalan sukar," katanya yang kini bertugas di Selangor Kini.

Pertemuan berlangsung pada program bersama Pertubuhan Seruan Islam di Ipoh, Perak sekitar 2003 atau 2004.

Sikap itu berbeza dengan segelintir pemimpin pembangkang yang mudah memusuhi wartawan organisasi media yang dilihat condong kepada idologi politik bertentangan.

## Ubah tafsiran sempit politik Islam

**KETOKOHAN** Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai ahli politik dan tokoh agama, terserlah apabila mampu mengubah tafsiran sempit politik Islam.

Setiausaha PAS Negeri Selangor, Mohd Khairuddin Othman, berkata tafsiran politik Islam sebe-

lum ini menjadi taboo kepada bukan Islam, malah sebahagian umat Islam sendiri.

"Ia menjadi contoh teladan kepada semua golongan masyarakat di negara ini," kata Adun Paya Jaras itu kepada SelangorKini.

Sebelum ini, politik Is-

lam dilabel dengan tanggapan negatif, antaranya bersifat ekstrimis, tidak menjaga kebajikan bukan Islam dan banyak lagi berikutan tohmahan lawan.

"Kita kehilangan seorang guru, pemimpin politik, pendidik dan tokoh agama yang dihormati semua," katanya.

OLEH SYASYA SUFIAN

**SHAH ALAM** - Kerajaan Pusat perlu mempertimbangkan pembukaan Hospital Shah Alam dalam masa terdekat untuk menampung peningkatan pesakit denggi yang semakin meningkat.

Penyelia, Mohammad Norhisham Naim, 31, berkata Kerajaan Pusat harus mempercepatkan lagi pembukaan itu memandangkan hospital sedia ada tidak mampu menampung pesakit denggi.

"Ramai pesakit lain seperti yang mengalami kemalangan jalan raya tidak dapat masuk wad kerana mangsa denggi semakin ramai terutama di Hospital Tuan-ku Ampuan Rahimah, Klang.

"Faktor penduduk sendiri juga penting iaitu bekerjasama dengan majlis perbandaran dalam menjaga kebersihan sekitar kawasan perumahan dan elak pembuangan sampah di merata tempat.

"Kementerian Kesihatan patut turun padang membuat pemeriksaan kesihatan percuma kepada orang ramai, sebab adakala klinik kesihatan lambat mengesan pesakit yang mengalami demam denggi," katanya.

Bagi Ahmad Zakwan Ab Kadir, 29, kempen kebersihan penting

# Buka segera Hospital Shah Alam

“

**Ramai pesakit lain seperti yang mengalami kemalangan jalan raya tidak dapat masuk wad kerana mangsa denggi semakin ramai terutama di Hospital Tuan-ku Ampuan Rahimah, Klang**

**NORHISHAM NAIM**  
Penyelia

bagi memberi peringatan kepada penduduk di setiap kawasan perumahan yang dikenal pasti menyebabkan denggi, namun kemudahan untuk menampung pesakit perlu juga diberi perhatian serius.

"Pada waktu sama, penduduk sendiri perlu mengamalkan sikap menjaga kebersihan dan bukan tunggu aktiviti gotong-royong dilaksanakan," katanya.



Menteri Dato' Menteri Azmin Ali memeriksa takungan air di kolam renang, Mentari Court di DUN Seri Setia dalam program khas Terjah dan Musnah Aedes

## Kurang kemudahan punca pesakit denggi HTAR dipindah

**SHAH ALAM** - Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang terpaksa memindahkan pesakit denggi ke beberapa hospital lain bagi menampung keperluan berkenaan.

Exco Kesihatan Selangor, Dr Daroyah Alwi berkata, terdapat beberapa pesakit dipindahkan ke Hospital Banting dan Hospital Sungai Buloh ekoran kepadatan yang dialami HTAR.

"Kita akui Hospital Klang (HTAR) sudah terlalu sesak untuk menempatkan pesakit denggi yang meningkat. Kerajaan Negeri sedang tunggu Hospital Shah Alam untuk siap sepenuhnya bagi menampung kesesakan terbabit.

"Selain itu, kita juga sedang menanti pembinaan Hospital Kapar. Tidak di-



**Daroyah Alwi**



nafikan, kemudahan yang mampu diberikan agak terhad untuk pesakit denggi, namun kita tidak dapat elakkan masalah itu terutama di Hospital Klang," katanya ketika dihubungi Selangor Kini.

Baru-baru ini, berlaku kesesa-

kan di HTAR ekoran kekurangan katil sehingga wad yang asalnya mempunyai 20 katil ditambah kepada 40 katil untuk menampung keperluan pesakit denggi.

Selain itu, katil kanvas turut ditempatkan di hospital berkenaan untuk mengatasi kesesakan terbabit.

Selangor mencatatkan 6,686 kes denggi dan 17 kematian, sehingga 31 Januari lalu dengan Petaling terus mendahului daerah lain iaitu membabitkan 3,212 kes dan 11 kematian untuk tempoh sama.

Sumber Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor menyatakan, Hulu Langat muncul daerah kedua dengan 1,162 kes diikuti Klang (983), Gombak (658), Kuala Langat (194), Hulu Selangor (165), Sepang (154), Kuala Selangor (132) dan Sabak Bernam (26).

## Disahkan demam biasa rupanya denggi

**SHAH ALAM** - Kesukaran mendapatkan rawatan sesuai bagi demam denggi menyebabkan mangsa terpaksa pergi ke beberapa pusat kesihatan kerajaan dan swasta.

Mangsa, Mohamad Nor Syafiq dari Taman Keramat berkata, dia terpaksa mendapatkan rawatan susulan di sebuah hospital swasta apabila pemeriksaan di klinik kesihatan kerajaan gagal mengesan dirinya mengidap demam denggi.

Katanya, pemeriksaan awal doktor mengesahkan dia mengidap demam biasa, namun tiada perubahan positif dialami hingga menyebabkan rawatan lanjut perlu dilakukan di hospital swasta.

"Saya disahkan mengidap demam denggi dan ditempatkan di hospital itu lima hari, pada November 2013.

"Sememangnya, kesihatan diri semakin merosot dalam tempoh seminggu selepas mendapatkan rawatan di klinik kesihatan," ka-

tanya.

Katanya, antara tanda yang dialami adalah keadaan tubuh badan tidak seimbang, terasa sengal dan badan berbintik merah, selain tiada selera makan serta muntah.

Seorang lagi mangsa, Seh Pei Sun, dari Taman Bayu Perdana, Klang, berkata dia bersama suami disahkan dijangkiti wabak denggi pada Oktober tahun lalu apabila menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik kesihatan akibat demam dan sakit tulang.

Katanya, dia terpaksa mendapatkan rawatan susulan di sebuah hospital swasta untuk pemulihan sepenuhnya.

"Tiada ubat khusus untuk sembuh. Kami hanya diberikan air secukupnya untuk minum.

"Pada awal Februari lalu, dua anak saya berusia lima dan tujuh tahun juga dijangkiti wabak sama tetapi hanya mendapat rawatan sebagai pesakit luar di klinik kesihatan," katanya.



▲ Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali bersama penduduk ketika meninjau gotong-royong di Telok Gadong dan Kampung Sungai Sireh Tambahan



▲ Pesuruhjaya Pas Selangor, Iskanar Samad menyampaikan sijil penghargaan kepada peserta yang hadir pada Majlis Perasmian Serentak Mesyuarat Agung Cawangan-cawangan PAS kawasan Lenggong sesi 2015-2017 bertempat di Maahad Tahfiz Al-Quran Lid Da'wah Wal Imaamah Kampung Luat, Lenggong pada 12 Februari lalu.



▲ Golongan OKU turut diraikan dalam program Jom Shopping peringkat DUN Paya Jaras. Kelihatan Adun Paya Jaras, Khairuddin Osman memperkatakan sesuatu kepada peserta



▲ Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong, melepaskan peserta Program Kayuhan Santai sempena pelancaran Pesta Tahun Baru Cina 2015 Kuala Kubu Bharu



▲ Walaupun sibuk, Adun Morib, Hasnul Baharuddin masih sempat meluangkan masa mengedar buah limau di pasar pagi Teluk Bunut sempena Tahun Baru Cina



▲ Pusat Khidmat Masyarakat Hulu Kelang bersama Adun, Saari Sungib, menyerahkan kerusi roda tahan lasak khas kepada adik Mohamad Hairol Azwan Mohd Faizan (OKU), 14, di Kg Taman Warisan, Taman Melawati



▲ Yb Dr Rani bersama Ketua Kampung Meru dan Ketua Kampung Batu Belah yang baru dilantik mengedarkan limau kepada pelanggan dan peniaga-niaga Tionghua di Pasar Besar Klang. Turut di bantu Jabatan Amal Malaysia.



**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG  
MENARA MPKJ,  
JALAN CEMPAKA PUTIH,  
OFF JALAN SEMENYIH,  
43000 KAJANG,  
SELANGOR DARUL EHSAN**  
**KENYATAAN TAWARAN**

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam kelas dan jenis pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :-

NO. TENDER	TAJUK PROJEK	GRED	KATEGORI/ PENGKUSUSAN	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	HARGA DOKUMEN
MPKJ T 1/2015	Kerja-kerja Membina Kolam Takungan Dan Menaiktaraf Longkang Untuk Mengatasi Masalah Banjir Di Taman Indah, Balakong.	CIDB G4	CE 34	BAHAGIAN BEKALAN & PEROLEHAN, MPKJ	RM 200.00

**LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN**

Tempat dan Tarikh Melapor Diri Bagi Lawatan Tapak :

Dewan Mini Teater Cempaka Telur,  
Tingkat 6A, Menara MPKJ, Jalan Cempaka Putih,  
Off Jalan Semenyih, 43000, Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : 23 Feb 2015 Jam : 8.30 pagi

- Dokumen Meja Tawaran akan mula dipamerkan mulai 23 Feb 2015 pada waktu pejabat di Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Menara MPKJ, Majlis Perbandaran Kajang, Jalan Cempaka Putih Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
- Dokumen Tender akan dijual mulai dari 23 Feb 2015 hingga 16 Mac 2015 pada waktu pejabat. Dokumen Tender TIDAK akan dijual selepas tempoh ini.
- Petender yang berminat adalah DIWAJIBKAN untuk menyertai lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh dan masa seperti mana yang telah ditetapkan. Petender juga DIWAJIBKAN mendaftarkan diri pada hari lawatan tapak dan berkumpul di Bahagian Perolehan, MPKJ mulai jam 8.30 pagi hingga 9.30 pagi. Petender hendaklah membawa bersama sijil-sijil berikut semasa pendaftaran dan pembelian dokumen dijalankan :-

- Perakuan Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
  - Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
  - Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera.
  - Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
- \* Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.

- Hanya seorang wakil sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen tender dan menghadiri lawatan tapak dengan membawa surat perwakilan kuasa. Petender yang menghadiri lawatan tapak sahaja DIBENARKAN membeli dokumen tender yang dikeluarkan.
- Salinan-salinan Perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Wang Tunai / Draf Bank / Wang Pos / Kiriman Wang Pos Sahaja Atas Nama Yang DiPertua.
- Tarikh tutup tender ini ialah pada 16 Mac 2014 bersamaan hari Isnin jam 12.00 tengah hari.
- Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta bertanda kenyataan tawaran di sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat seperti berikut :

Bahagian Bekalan & Perolehan,  
Jabatan Khidmat Pengurusan,  
Tingkat 6A, Menara MPKJ, Jalan Cempaka Putih,  
Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang.

- Majlis Perbandaran Kajang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun mana-mana tawaran.



OLEH BUMILANGIT

Aku dari bangsa ayam. Tak banyak benda yang aku boleh cerita yang kamu tak tahu. Bila disebut ayam, imej ayam yang muncul dalam minda kamu, dari segi sifat rupa dan tabiat; itulah aku.

Sungguh pun kaum ayam ini banyak jenis, aku dari kaum ayam daging yang makan bersuap, badan gemuk, tidur berdiri kerana perut cecah lantai reban empat segi.

Cukup masa leherku jumpa belati.

Tak banyak yang aku boleh cerita tentang diriku yang kamu tak tahu. Berbeza dengan ayam kampung yang berkokok gagah di awal pagi, aku biasanya duduk diam di waktu dinihari. Ketika ayam-ayam lain berjalan mendada, mengepak-gepakkan sayap, aku duduk diam mengumpul lemak.

Itu tugas maha penting untuk aku, seekor ayam daging.

Pernah sang tua bercerita, bukan asal kaum aku pema-las begini, dulu moyang kami bebas di dalam hutan, berke-liaran, terbang semahu hati. Kami tidur atas pokok tinggi, berlari-lari mengacah si pemburu. Sungguh-sungguh manusia cuba menangkap kami dengan jerat segala. Kami makan dari ulat buah-buahan yang baru jatuh.

Hidup tak mudah, tapi kami hidup mewah dengan kebebasan. Tiada reban tinggi bertingkat, pam air bersih berterusan, dedak bervitamin yang diberi mengikut jadual tetap, dan pemeriksaan veterinar mingguan, tapi kami bebas. Itulah kemewahan yang paling besar kami ayam beroga. Itulah segalanya yang penting.

Sang tua cerita, segalanya berubah bila datangnya seekor ayam berbulu biring. Akan ayam yang kenantan akalinya ini, pidatonya molek-molek sekadar taraf akal ayam.



Satu hari ayam yang bijaksana ini bertenggek tegak di atas podium pokok manggis dan berkumpullah sekalian ayam-ayam yang lain mengelilinginya. Maka berkokoklah ayam pintar yang seekor tadi dengan suara yang lembut sehingga ayam-ayam lain diam untuk dengar sebutir-sebutir kata hikmah ayam pintar.

“Kaum ayam harus berhati-hati dengan kebebasan ini,” katanya.

“Kebebasan tanpa had boleh membawa huru-hara, kekacauan dan pecah belah. Bangsa ayam harus menolak kebebasan mutlak ini.

Dia berhenti mengambil nafas. Matanya terus bersinar memerhatikan tindak balas ayam-ayam di bawah.

“Ayam-ayam harus dibuat agar lebih tertib dan patuh kepada undang-undang, hanya inilah resepi untuk melonjak ketamadunan ayam di mata dunia”.

Balung-balung ayam di bawah pokok bergerak mengangguk seirama. Bukan setuju, cuma tak tahu bagaimana mahu pangkah. Silap nanti, nampak pula bodohnya.

Kata-kata ayam pintar tadi cocok dengan akal ayam-

ayam yang sihat akalinya, kebebasan tanpa had boleh menyebabkan huru-hara dan kekacauan. Semua harus bersatu di bawah satu pimpinan untuk memastikan wawasan ayam tercapai.

Satu fikiran. Satu matlamat.

Tarian balung di pupuran makin rancak. Anggukan makin kuat dan makin laju sehingga ayam-ayam itu kelihatan seperti mematok-matok tanah. Tak. Mereka cuma mengangguk-anggukkan kepala agar nampak seperti mereka paham sungguh-sungguh gagasan ide besar yang dibawa oleh ayam pintar itu, maka anggukkan kepala harus jelas.

Angguk angguk, patuk patuk.

Akhirnya, semua kaum ayam di situ bersetuju sebulat suara untuk menyerahkan masa depan mereka kepada ayam pintar. Semua keputusan ayam genius dipatuhi tanpa banyak soal. Ayam-ayam yang membangkang dihalau keluar dari kelompok. Semua ayam harus satu pemikiran, satu matlamat.

Sampai satu hari, mereka tersedar yang mereka semua berada di dalam reban. Ada yang menjerit mahu melepaskan diri. Ada yang meronta mahu menuntut nilai harga diri. Tapi mereka ini lama-lama diam

dan cemburu.

Pagi akhir itu, aku berdiri dan rapatkan badan dengan dawai punai reban. Sayup sayup kedengaran suara syahdu dari surau. Awan biru, matahari malu-malu. Sejuk pagi ini menusuk hati sehingga ia menjadi kebas.

Semalaman aku tak dapat tidur memikirkan kenapa bangsa ayam cuma berani mempersoalkan had kebebasan sedangkan tak ada yang berani mempersoalkan tentang had kongkongan yang membelenggu? Adakah aman yang aku kecapai ini, aman yang menenangkan jiwa?

Apa erti ketenteraman ini jika ia tak lebih dari amannya banduan dalam sel pasung masing-masing? Dengan semua keselesaan dan cukup keperluan ini, aku terikat. Semuanya diberi untuk akhirnya disembelih dan dinilai dengan ringgit per kilo.

Lamunan aku tersentak bila pintu reban dibuka, badanku yang kebetulan paling dekat dengan pintu dicengkam erat. Aku sendiri tiada niat untuk melepaskan diri. Jangan risau, aku terlalu gemuk untuk berlari.

Seorang lelaki memegang kaki dan seorang lagi menjerut leher aku mencari urat merah. Sejuk pisau menyentuh leher. “Akhirnya”.


Terasa sedikit pedih dan darah membasahi bulu putihku. Jasadku dilepaskan untuk menggelupur di tanah.

“Akhirnya”.

Aku kumpulkan seluruh sisa tenaga yang ada dalam diri dan melompat ke atas bumbung reban, dan berkokok sepuas-puasnya.

“Akhirnya, bebas!”.

Dan semuanya menjadi kelam.



Kirim cerpen dan puisi kepada [seniselangor@gmail.com](mailto:seniselangor@gmail.com) untuk disiarkan di halaman ini setiap minggu. Karya yang terpilih akan dinilai untuk pemberian anugerah - Ketua Pengarang

# Madrasah Seni angkat tema puisi perlawanan

OLEH RAJA YUSOFF ARIFFIN

**A** cara baca puisi tidak hanya berlangsung di kota besar, sebaliknya telah merebak jauh ke ceruk desa. Kampung Banda Dalam di Gombak tidak terkecuali.

Digerakkan aktivis Seniman Paksi Rakyat (Paksi) dengan kerjasama PAS Batu, Madra-

sah Seni mengorak langkah dengan mengangkat bait-bait puisi sebagai bilah senjata.

Sasterawan Negara, Dato' A Samad Said yang sinonim dengan karya perjuangan dan derita rakyat, diberi penghormatan melancarkan acara sulung 'Baca Puisi Madrasah Seni'.

Uniknya acara itu membawa tema isu semasa yang berlegar di sekelilingi jerih perih kehidupan rakyat dan sentiasa akrab dengan pelbagai isu semasa negara.

Kehangatan bahang perlawanan dirasai pada penganjuran 'Puisi Bebas' pada 9 Januari lalu yang menampilkan bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Chan Yong Sin.

Selain itu, ada penyair turut menyatakan simpati terhadap beberapa individu berikutan kemelut Harakah, akhbar rasmi PAS, melalui karya masing-masing.

Sebenarnya, penganjuran bulanan itu - walaupun berbaur politik - secara tidak langsung mengingatkan ramai kepada populariti acara Baca Puisi Pena dan Suara Kuala Lumpur.

la terbuka kepada semua penggiat seni dan ia diadakan setiap Jumaat kedua setiap bulan, sama ada mendeklamasi karya sendiri mahupun penyair lain.

Pada acara sulung itu, ia turut dihadiri pengarah filem, Yassin Salleh; penyanyi dan komposer, Sani Sudin; penyair, Pyanhabib; Pengarah Galeri RA Fine Arts, Raja Ahmad Aminullah dan aktivis sosial, Hishamuddin Rais.

Malah, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Mohd Khair Ngadiron turut hadi, bahkan tampil di pentas memeriahkan acara.

Selain Ahkarim yang datang dari Alor Setar sememata untuk hadir acara itu, Amni Jagat (Johor Bahru) dan Ahmadi Syarif (Indonesia) turut datang dari jauh hanya untuk berpuisi.

Selain mereka ialah Mohd Nizam Yamin, Ustaz Shazli Abdullah, Rahmat Haroun, Man Bakrie, Norhani Affendi, bahkan pengamal media seperti H Fansuri dan Mohd Arif Atan.

Presiden Paksi, Dinsman dan AJK Paksi, Rozan Azen Mat



Rasip dan Sharifah Tun Teja turut tidak melepaskan peluang untuk berdeklamasi.

Paling menggamit perhatian ialah kebolehan Mohd Iman Wafiq, pelajar tahun dua dari Sekolah Kebangsaan Bandar Sunway, Semenyih, mendeklamasi sajak.

Kegamatan acara berterusan saat penyanyi dan komposer, Syed Amran menghiburkan hadirin dengan lagu 'Selamat Malam Rohnya' yang menusuk hati.

Selain acara pentas, Pengerusi Madrasah Seni dan Ketua Kampung Kampung

Banda Dalam, Ishak Surin dan AJK Paksi, Shukor Harun turut menyampaikan ucapan ringkas.

Pada acara seterusnya, khabarnya dianjurkan bersempena pemergian Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan penindasan terhadap Mejar Zaidi Ahmad.

Maka, tiada sebab untuk penyair yang mengaku punyai semangat Widji Thukul tidak datang, sekurang-kurangnya menonton persembahan kalau pun tidak beraksi di pentas deklamasi.

## TOK GURU

(Dedikasi buat Tuan Guru Nik Abdul Aziz rahimahullahutaala)

**P**ada kembaramu di malam-malam lengang, jejak-jejak kami berpecahan jadi bintang-bintang. Kerana doamu yang tak lekang agar membangun kota ini jadi kebun dan subur ladang-ladang. Lalu semarak dedaun menyalakan hijau melambai taqwa kami mengiringi mimpi yang kerlap-kerlip seperti gemerlap bintang dan cahaya bulan. Melukis harapan-harapan kami jadi bunga-bunga bermekaran, menyalakan taman di sepanjang jalan-jalan yang kami ibadahi.

Kasih-sayang berhamburan dari pucuk-pucuk rumput menguapkan aroma sejuk dari peluh dan air

matamu nan taqwa. Kerana ketabahanmu, embun-embun berkilatan berpantulan jadi gelombang yang menggemuruhi nafas kami dan geloranya memahat-mahat kedamaian jadi rangkaian ajaran telusmu.

Dari kota ini, kami manatapnya seperti sedang berkunjung dan membawa doa-doa ke dalam hati kami. Kami temui keheningan dan menjadi takjub. Alangkah indah kota ini, tertata rapi dalam mimpi, terawat indah dalam doa-doa. Dan kami makin berghairah menyulam rakaat-rakaat jadi bentangan alam pada setiap hamparan sajadah.

Lalu kami membangun castle per-

istirahatan di sepanjang jiwa dan terus membesarkan kota ini dengan mimpi yang menggelora kerana doa-doa dan taman-taman telah kami tanami dengan senyummu yang doa.

Setiap kata-katamu kami pagari dengan pelangi yang dijemput dari langit hati tak berkabut. keriangannya kami bersilang, mengepak-ngepak seperti burung menceritakan tembang syurga di atas atap-atap rumah kami. Angin berhembus saban waktu merangkai nyala mentari dan senyum rembulan.

Kebahagiaan kami telah melengking. Di setiap kali kami terjaga,

kota dan tanah kami selalu pecah. Taman, kebun dan ladang-ladang memuing, terbang jadi debu. Harapan dan mimpi-mimpi kami tersesat. Kami menguntai doa-doa yang mengalir dari tahajudmu. Kami berdamai dengan resah yang mendera, berharap rumah kami membesar jadi sarang damai.

Ya murabbi, doamu telah tenggelam. Tahajudmu tidak lagi berpasangan beserta doa kami. Apakah kekuatan itu kami perolehi lagi seperti kembang mawar pagi?

Kameelia Kameel  
Kuala Lumpur

OLEH **NAEEM RAFFI**

**TANJUNG KARANG** - Pusat pemprosesan padi organik bakal diwujudkan melalui Program Pertanian Lestari bagi meningkatkan pendapatan pesawah dan memenuhi permintaan pasaran.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata lebih 800 pesawah menggunakan konsep Pertanian Lestari.

Katanya, masalah timbul apabila padi organik itu terpaksa dihantar ke pusat pemprosesan padi biasa yang harganya lebih rendah.

"Ia merugikan pesawah kerana hasil padi itu harga jualannya lebih baik daripada hasil

# Wujudkan pusat proses padi organik

padi biasa. Permintaan pasaran mahukan hasil padi dari kaedah organik juga gagal dipenuhi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyerahan Bantuan Baja Mikrob Biodcomposer di Parit Tiga, kampung Sungai Burong di sini, 16 Februari lalu.

Kira-kira 350 pesawah menerima bantuan Baja Mikrob Biodcomposer bernilai RM87,000

sebagai galakan kepada penghasilan hasil padi berkonsepkan Pertanian Lestari.

Pertanian Lestari bertujuan menghasilkan padi yang rendah penggunaan baja dan racun kimia manakala pesawah memperoleh pendapatan tambahan menerusi pembiakan ikan dalam bendang.



## Baja berjaya tingkat 2 tan hasil padi

**SABAK BERNAM** - Pesawah berjaya meningkatkan pengeluaran hasil padi sehingga lebih dua tan daripada penggunaan racun dan baja berasaskan pertanian lestari sumbangan Kerajaan Negeri.

Pengusaha sawah padi, Mohamad Rauf Mohamad Thani, 53, berkata peningkatan hasil diperoleh selepas menggunakan baja bebas bahan kimia itu seperti dicadangkan Jabatan Pertanian Selangor.

"Peningkatan daripada penggunaan bahan yang diberikan Kerajaan Negeri menjadikan hasil padi lebih bagus berbanding sebelum ini.

"Hasil sebelum ini untuk tiga ekar bendang yang saya usahakan lebih kurang lima tan. Selepas gunakan baja dan racun ini, ada peningkatan lebih dua tan menjadikannya hampir lapan tan," katanya.

Mohamad Rauf berkata demikian pada Majlis Penyerahan Insentif Pengurusan Sawah Padi Kerajaan Selangor kepada petani daerah Sabak Bernam di Balai Raya JKKK Parit 12 Timur, di sini.

Sementara itu, Mohd Suhaimi Hassan, 46, berkata dia akan cuba menggunakan baja organik bagi musim kali ini.

"Saya baru nak cuba selepas maklumat penggunaan kaedah ini meningkatkan hasil. Jadi, belum tahu lagi apa hasilnya kena



**Mohamad Rauf**



**Mohd Suhaimi Hassan**

cuba dahulu baru tahu. Rasanya, boleh bertambah seperti rakan yang pernah cuba," katanya.

Sebelum itu, 650 pengusaha sawah padi di Sabak Bernam menerima sumbangan racun dan baja organik yang disumbangkan Kerajaan Negeri dalam majlis berkenaan.

Sumbangan itu bagi menggalakkan pengusaha sawah padi beralih kepada kaedah pertanian lestari yang tidak menggunakan bahan kimia.

## Laksanakan projek perintis



**SHAH ALAM** - Hasrat Selangor menjadi negeri pertama melaksanakan penanaman padi lima kali dalam dua tahun mampu direalisasi jika memberi tumpuan kepada tiga teras utama.

Ia merangkumi bekalan air mencukupi, teknologi kejuruteraan dan pelaksanaan projek perintis.

Bekas Penasihat Pertanian Padi Perbadanan Menteri Besar (MBI), Noorazimah Taharim, berkata projek perintis perlu untuk memastikan keberkesanan

kejuruteraan dan kemampuan modal insan.

"Pelaksanaan projek perintis itu perlu dibuat dalam skala besar, sekurang-kurangnya semua lot sawah sepanjang satu tali air.

"Mustahil untuk dilaksanakan pada skala kecil kerana keperluan padi di tali air berbeza-beza.

"Ia bertujuan memastikan bekalan air cukup menampung keperluan tanaman," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau berkata, masalah se-



**Noorazimah Taharim**

rangan perosak, kesuburan tanah, kemampuan penghasilan padi dan komitmen pesawah boleh ditangani di peringkat awal sebelum dilaksana menyeluruh.

"Air perlu sampai pada masa yang diperlukan. Jika berhasrat laksana lima musim, bekalan airnya perlu cukup dan ada setiap kali musim penanaman padi.

"Kejuruteraan juga perlu ditingkatkan. Mesin penyediaan tanah dan tuai hasil mesti ada pada masa yang diperlukan," katanya yang turut menekan kerjasama agensi kerajaan, swasta dan pesawah.

## R&R Asam Kumbang tarikan baru sukan

“

**Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk membina R&R sama di kawasan lain kerana ingin memberi tumpuan di lokasi sedia ada supaya orang ramai menggunakan kemudahan terbabit.**

**ELIZABETH WONG**  
Exco Pelancongan

**SEPANG** - Kewujudan kemudahan Rehat dan Rawat (R&R) di Kampung Asam Kumbang, Kuala Kubu Bharu, bertujuan menggalakkan aktiviti berbasikal dalam kalangan orang ramai khususnya penggemar sukan itu.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong berkata, lokasi itu dipilih khusus kerana sesuai dan menjadi tumpuan golongan berkenaan.

Elizabeth berkata, Kerajaan Negeri tiada perancangan

untuk membina R&R sama di kawasan lain kerana ingin memberi tumpuan di lokasi sedia ada supaya orang ramai menggunakan kemudahan terbabit.

“Setakat ini tidak, kita bagi sokongan R&R ini dahulu kerana ia sesuai sebagai kawasan aktiviti rekreasi berbasikal,” katanya.

Difahamkan, Kerajaan Negeri mewujudkan R&R itu dengan peruntukan kira-kira RM50,000 untuk menarik minat penggemar sukan berbasikal dan orang ramai.

## Warga Emas nikmati Jom Shopping RM500

**SHAH ALAM** - Peserta Skim Mesra Usia Emas (SMUE) bakal menikmati sejumlah RM500 dalam program Jom Shopping bagi memastikan mereka menikmati manfaat program semasa hidup.

Ketua Pegawai Operasi Rangkaian Mesra Sdn Bhd, Kamsani Nasir berkata cadangan baharu itu jika diluluskan bakal dilaksanakan pada pertengahan tahun ini.

“Jumlah sumbangan tetap

sama iaitu RM2,500, kita gunakan RM500 untuk program Jom Shopping iaitu RM100 setiap tahun sepanjang lima tahun.

“Manakala, bakinya RM2,000 disalurkan selepas kematian,” katanya kepada Selangor Kini.

Kamsani berkata, cadangan diajukan kepada Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi sebelum dibentangkan dalam mesyuarat Exco.

“**Jumlah sumbangan tetap sama iaitu RM2,500, kita gunakan RM500 untuk program Jom Shopping iaitu RM100 setiap tahun sepanjang lima tahun.**

**KAMSANI NASIR**  
Ketua Pegawai Rangkaian Mesra Sdn Bhd



Elizabeth menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang aktiviti karnival

## Lebih 30 tapak sampah haram didenda

**KUALA LANGAT** - Lebih 30 tapak pelupusan sampah haram dikenakan tindakan undang-undang bagi membanteras aktiviti itu, sepanjang 2014.

Exco Alam Sekitar, Elizabeth Wong berkata, antara tindakan dikenakan termasuk denda maksimum RM1,000 menerusi pihak berkuasa tempatan (PBT)

dan rampasan tanah mengikut Kanun Tanah Negara.

“Rampasan tanah dikenakan terutama terhadap pemilik swasta yang menyalahgunakan tanah untuk tujuan keuntungan. Contohnya, tanah mereka berstatus pertanian tetapi disalah guna sebagai tapak pelupusan haram,” katanya kepada Selangor Kini.

Elizabeth berkata, beliau sentiasa bekerjasama secara erat dengan Exco Kerajaan Tempatan bagi memantau aktiviti pelupusan sampah haram.

“Operasi bersepadu turut dilaksanakan bagi mengenal pasti tapak pelupusan sampah dan tindakan akan diambil serta-merta,” katanya.

# Tempat khas buang sampah

OLEH NAEEM RAFFI

**KLANG** - Persatuan penduduk di kawasan ini disarankan memohon tong sampah besar untuk memudahkan kutipan sampah Tahun Baru Cina.

Cadangan itu berdasarkan senario sebelum ini apabila penduduk bergotong royong membersihkan rumah dan membuang sampah pukat pada kapasiti besar sehingga mengganggu keselesaan penduduk.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Datuk Mohamad Yacob berkata sikap penduduk gemar membuang sampah sesuka hati menjejaskan persekitaran alam.



Mohamad Yacob

Katanya, MPK mencadangkan agar persatuan penduduk mengumpulkan sampah di lokasi khas dan menghubungi MPK untuk urusan kutipan sampah.

## MPS selesai 28 kes sampah haram

**SEPANG** - Sebanyak 28 kes sampah haram di tanah perundangan berjaya diselesaikan Majlis Perbandaran Sepang (MPS) pada 2014 dan lima kes dibawa ke 2015.

Penolong Pengarah Jabatan Penguatkuasa MPS, Mohd Azran Musa berkata penyitaan terhadap lori dilakukan dengan denda maksimum RM2,000 untuk sebuah kenderaan.

“Kita memang memerlukan bantuan orang ramai. Apabila

menerima aduan, kita akan terus buat kawalan dalam masa dua minggu,” katanya kepada Selangor Kini.

Sebarang aduan sampah boleh dibuat melalui talian 03-6138 9898 dan e-mel aduan MPS di aduanmps@mps.gov.my.

Selain itu, aduan juga boleh dibuat melalui Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (Stars) di talian 03-55447172 dan e-mel di aduan@selangor.gov.my.

## Kerjasama pekilang elak berlaku pencemaran

**SHAH ALAM** - Jalinan kerjasama pekilang diperkukuhkan bagi memastikan kawasan industri tidak berlaku pencemaran sampah sarap dan tempat pembuangan nyamuk aedes.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, tanggungjawab memastikan kawasan bersih dan selamat tidak

hanya terletak di bahu pihak berkuasa tempatan.

“Usaha itu diambil selaras dengan pelan tindakan penjaagaan serta kualiti alam sekitar di bawah MDKL,” katanya.

MDKL menghantar 12 kakitangannya menyertai Gerak Gem-pur Denggi 3.0 sebagai tanda sokongan kepada usaha memusnahkan penularan wabak denggi.

# RM6.7 juta naik taraf lokasi pelancongan

OLEH NAEEM RAFFI

**KUALA SELANGOR** - Sejumlah RM6.7 juta diperuntukkan bagi 2015 khusus menaik taraf kawasan pelancongan yang disyorkan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Exco Pelancongan, Elizabeth Wong berkata walaupun ia bukan peruntukan besar, tetapi Selangor akan memanfaatkan-

nya secara kolektif dan efektif.

"Peruntukan khas itu digunakan menaik taraf infra bagi menjamin kemudahan dan ke-selesaian pelancong," katanya pada Majlis Pelancaran Tahun Melawat Selangor 2015 Peringkat Daerah Kuala Selangor, di Padang Pekan Lama, di sini.

Selangor mensasarkan kedatangan tujuh juta pelancong dari dalam dan luar negara

sempena Tahun Melawat Selangor 2015.

Elizabeth berkata ia mampu dicapai dengan kerjasama dan usaha keras semua pihak.

"Kita mampu capai sasaran dengan syarat semua pihak terlibat bekerja keras.

"Kejayaan menambah jumlah pelancong mampu membantu pertumbuhan ekonomi negeri," katanya.

## Kuala Selangor jadi tarikan pengunjung

**KUALA SELANGOR** - 1.4 juta pelancong disasarkan mengunjungi daerah Kuala Selangor sempena Tahun Melawat Selangor 2015.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Noraini Roslan berkata, MDKS mengambil langkah awal sejak 2014 dengan menaik taraf beberapa pusat pelancongannya.

MDKS membelanjakan RM616,000 peruntukan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan kerja menaik taraf Pusat Pelancongan Kelip-kelip (RM400 ribu), kemudahan infra di Pantai Remis (RM20 ribu) dan pembelian Trem

“

**MDKS mengambil langkah awal sejak 2014 dengan menaik taraf beberapa pusat pelancongannya**

**NORAINI ROSLAN**  
Yang Dipertua MDKS

di Bukit Melawati (RM196 ribu).

"Kita percaya pulangan yang diterima nanti jauh lebih besar daripada apa yang dibelanjakan," katanya.

## Selangor tumpuan pelancong 2015

**SEPANG** - Tujuh juta pelancong dijangka melawat negeri sempena Tahun Melawat Selangor 2015 menerusi pakej dan persediaan lengkap yang disediakan

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata pelbagai promosi dan kawasan pelancongan menarik pasti bantu Selangor dalam perkara berkenaan.

"Saya percaya dengan produk dan pakej disediakan, kita dapat mencapai matlamat," katanya pada pelancaran Tahun Melawat Selangor 2015 di KLIA di sini, 14 Februari

lalu.

Katanya, program itu sepatutnya dilancarkan akhir tahun lalu tetapi ditangguh ekoran kejadian banjir besar di Pantai Timur.

"Kehadiran pelancong ke Selangor membantu meningkatkan ekonomi," katanya sambil menambah Selangor sendiri menyumbang 24 peratus KDNK negara.

Selangor memiliki banyak destinasi pelancongan menarik, antaranya Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Batu Caves, Taman Botani Negara, FRIM Kepong dan lain-lain.

### TINJAUAN ORANG RAMAI

**Orang ramai memuji keindahan landskap dan kemudahan awam yang terdapat di Bukit Melawati**

Berbaloi tiket RM5 menaiki trem ke puncak bukit. Trem semakin baik dan bercat baru. Landskap dan jalan raya berturap kemas selain kemudahan tandas terurus.

**Mariah Ibrahim**



Penuh warna-warni, bangunan bercat, landskap terjaga rapi selain kemampuan pihak berkuasa memelihara bangunan kesan tinggalan sejarah yang ada di sini. Keindahan bukit bersejarah ini perlu dikekalkan.

**Yasotha A/P Devaldash**

Monyet ini mesra dan jinak, ramai yang pegang dan bila mahu basuh tangan, tidak ada pancur air. Jadi saya rasa elok kalau disediakan tempat untuk basuh tangan

**Zawawi Md Isa**



# Remaja Kota Turun Ke Desa 14 Mac

OLEH SYASYA SUFIAN

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan menganjurkan program Remaja Kota Turun ke Desa bertujuan mendedahkan golongan remaja berkenaan pembentukan jati diri.

Program yang memberi peluang kepada masyarakat bandar merasai dan menghayati kehidupan di desa itu bakal berlangsung di Homestay Sungai Haji Dorani, Sabak Bernam,

pada 14 hingga 16 Mac ini.

Peserta adalah terdiri daripada 13 hingga 35 tahun dan dikenakan bayaran yuran RM120 seorang.

Antara aktiviti yang disediakan adalah program keluarga angkat, melawat pusat perindustrian kecil dan sederhana (IKS), sukaneka di bendang dan kebudayaan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Melati dan Nani di talian 016-6622133/012-2764474 atau layari [www.mpsj.gov.my](http://www.mpsj.gov.my).



**R A Sugumaran, menandatangani watakah perlantikan ahli majlis baru MBPJ. Perlantikan itu turut membabitkan dua lagi muka baru iaitu Chong Fook Meng dan Wong Yuet Leng, bertujuan mengisi kekosongan kerusi ahli majlis penggal 2014/2015. Sementara itu, sembilan ahli majlis yang dilantik semula, Tang Fui Koh, Ahmad Akhir Pawan Chik, Raja Fairuz Raja Mazlan, Mahharul Ismail, Ong Swee Long, G Suriase, Shatiri Mansor, Cynthia Manonmani dan Halimey Abu Bakar.**

## WAKTU SOLAT SELANGOR

20 - 27 FEBRUARI 2015

1 - 8 JAMADILAWAL 1436H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Jumaat	6:00	6:10	7:27	1:30	4:48	7:29	8:40
21 Sabtu	6:00	6:10	7:27	1:30	4:47	7:29	8:40
22 Ahad	6:00	6:10	7:27	1:30	4:47	7:29	8:40
23 Isnin	6:00	6:10	7:27	1:29	4:46	7:29	8:40
24 Selasa	6:00	6:10	7:26	1:29	4:46	7:29	8:39
25 Rabu	5:59	6:09	7:26	1:29	4:46	7:29	8:39
26 Khamis	5:59	6:09	7:26	1:29	4:45	7:29	8:39
27 Jumaat	5:59	6:09	7:26	1:29	4:45	7:29	8:39

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Jumaat	6:02	6:12	7:29	1:32	4:50	7:31	8:41
21 Sabtu	6:02	6:12	7:29	1:32	4:49	7:31	8:41
22 Ahad	6:02	6:12	7:29	1:32	4:49	7:31	8:41
23 Isnin	6:02	6:12	7:29	1:31	4:48	7:31	8:41
24 Selasa	6:02	6:12	7:28	1:31	4:48	7:31	8:41
25 Rabu	6:01	6:11	7:28	1:31	4:48	7:31	8:41
26 Khamis	6:01	6:11	7:28	1:31	4:47	7:31	8:41
27 Jumaat	6:01	6:11	7:28	1:31	4:47	7:31	8:40

## PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia serta berpengalaman dalam perkhidmatan dan bekalan berkaitan seperti berikut :-

Bil.	No. Sebutharga	Butir-Butir Kenyataan Tawaran Sebutharga	Kelayakan Penyebut harga	Harga
1.	SH/PTGS/03/2015	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONER PENCETAK UNTUK PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR	Berdaftar dan membawa sijil asal Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 020601  DAN  Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)	RM50.00

2. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada penyebutharga/wakil yang sah sahaja. Penyebutharga hendaklah membawa surat pendaftaran asal, serta salinan surat pendaftaran untuk rujukan Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Dokumen tawaran adalah percuma dan boleh diperolehi di bahagian seperti yang tertera dibawah mulai 17 FEBRUARI 2015 (SELASA)hingga 27 FEBRUARI 2015 (JUMAAT) :

**Bahagian Khidmat Pengurusan Tingkat 4,  
Pejabat Tanah Dan Galian Selangor  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40576 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**

3. Penyebut harga dikehendaki membawa bersama sijil asal dan salinan **Akuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera** daripada **Kementerian Kewangan Malaysia**, surat pendaftaran **UPEN** dan Wang Pos/Kiriman Wang atas nama **BENDAHARI NEGERI SELANGOR** berjumlah RM50.00 semasa pembelian dokumen sebut harga

4. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat :-

**Pejabat Tanah Dan Galian Selangor  
Tingkat 4 ,Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40576 Shah Alam  
Selangor DarulEhsan**

Tarikh tutup : **27 FEBRUARI 2015 (JUMAAT) jam 12.00** tengahari.

5. Pejabat Tanah dan Galian Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah.



## Impian Titanium

## Pangsapuri @ Puchong

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

**03-7984 8301**  
019-2232 680/ 018-248 6410



Pemaju : Titanium Heights Sdn. Bhd. (649608-X)

No.19-4, Jalan 10/116B, Kuchai Entrepreneurs' Park, Jln Kuchai Lama, 58200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel : 03-7984 8301 / 019-2232 680 / 018-248 6410 Fax : 03-7984 8302

Lesen Pemaju: 11003-1/11-2016/1432 - Tempoh Sah: 24/11/2011 - 23/11/2018 - Permis Pengiklanan & Jualan: 11803-1/07-2015/02044/07 - Tempoh Sah: 29/09/2014 - 27/09/2015 - Badan Keluarga: Majlis Perbandaran Subang Jaya - No. Rujukan Pelesenan Bangunan: MPSJ/BN/KN/C/671 - Tarikh Saiz: August 2015 - Tempoh Peperangan Tanah: Leasehold 09 years/entry: 21/11/2010 - Debitur: United Overseas Bank (M) Bhd. - Bilangan Unit: 23 - Harga Jualan: RM473,000/Miri - RM450,000/Maki - Bilangan Unit: 10 - Harga Jualan: RM120,000 - Diskaun Bumiputera: 7% - Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digada melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.



**RENUNG...**  
 Anak keempat,  
 Datuk Seri  
 Anwar Ibrahim,  
 Nurul Ilham  
 melihat kain  
 rentang yang  
 memaparkan  
 tulisan 'Bebas-  
 kan Anwar'  
 ketika solidariti  
 ke atas bapanya  
 di hadapan  
 Penjara Sungai  
 Buloh. Menteri  
 Besar Selangor,  
 Mohamed Azmin  
 Ali turut hadir  
 dalam program  
 tersebut pada 16  
 Februari lalu

Gambar sumber FB

# Tanam padi 5 kali 2 tahun

OLEH NAEEM RAFFI

**TANJUNG KARANG** - Kerajaan Selangor mengkaji kemungkinan melaksanakan penanaman padi lima kali dalam dua tahun, kata Exco Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib.

Katanya, kajian masih dibuat dengan kerjasama Jabatan Barat Laut Selangor dan jika tiada masalah, ia mampu menampung permintaan tinggi pasaran dan meningkatkan pendapatan pesawah.

"Jabatan Pertanian Selangor

sudah melaksanakan program itu tetapi terdapat beberapa halangan terutama berkaitan bekalan air.

"Kajian masih dijalankan berhubung kesuburan tanah, bekalan air dan beberapa elemen lain sebelum ia dilaksanakan menyeluruh," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Bantuan Baja Mikrob Biodcomposer di Parit Tiga, Kampung Sungai Burong, di sini, 16 Februari lalu.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Selangor, Mohd Abidin Ariffin dan Pegawai Pertanian Daerah Sabah Bernam,

Mohamad Izwan Hasan.

Selangor adalah negeri tertinggi pengeluaran hasil padi dengan purata 6.15 tan metrik semusim berbanding purata negara 4.49 tan metrik semusim.

Setakat ini, Zaidy berkata, segelintir daripada seramai 9,057 pesawah di negeri ini menjalankan penanaman padi tiga kali setahun.

"Ramai komited dan ada sebahagian mereka capai tahap pengeluaran padi 10 metrik tan sehektar semusim," katanya.

**BERITA LANJUT DI MUKA 12**



**Petani membaca penerangan tentang Rumpai Miang Maxico, yang dikatakan rumpai berbahaya kepada padi**

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh Percetakan Turbo (M) Sdn Bhd (140879-U), No. 8, Jalan Sekinchan 26/9, Seksyen 26, Shah Alam, Selangor. Telefon: 03-51929800 Faks: 03-51929819